


4 Januari 2010

PEJABAT PELAJARAN DAERAH

Jasin
Jalan Pegawai
77000 Jasin
Melaka

Y.Bhg. Dato/Tuan/Puan',



PERTANDINGAN MENULIS SURAT KEPADA PERDANA MENTERI SEMPENA PROGRAM PENGHAYATAN 1MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, Pertandingan Menulis Surat kepada Perdana Menteri merupakan anjuran bersama oleh Pos Malaysia Berhad dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Kementerian Pelajaran dan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Pertandingan ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Disember 2009 di Kota Kinabalu, Sabah.

3. Pertandingan Menulis Surat kepada Perdana Menteri ini terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia bermula pada **29 Disember 2009** sehingga **19 Februari 2010**. Pihak penganjur akan mengedarkan poster pertandingan ke semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara (anggaran 10,000 buah sekolah) melalui Pejabat Pelajaran Daerah di setiap negeri.

4. Sehubungan itu, kami amat berbesar sekiranya pihak YBhg Dato'/Tuan/Puan dapat membantu mengedarkan poster, borang dan syarat-syarat pertandingan ke semua sekolah di bawah seliaan Pejabat Pelajaran Daerah YBhg Dato'/Tuan/Puan.

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KUP Sekolah	
KUP Akademi	
KUP Kemanusiaan	
KUP Islam/Morai	
KUPem. Bekalan	
KU Maklumat/ICT	
Peg Kaunseling	
KU kewangan	
KU Perkhidmatan	
Nis. Pahl.	

Ok Ak Nona
At Babon
7/1/10

5. Bersama ini disertakan poster pertandingan mengikut jumlah sekolah yang kami perolehi dari Kementerian Pelajaran, borang dan syarat-syarat pertandingan untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg Dato'/Tuan/Puan selanjutnya. Turut disertakan ialah salinan surat dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Kementerian Pelajaran mengenai pertandingan ini.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dimajukan kepada Puan Mariati Mohd Arif (Tel:012-3757149) mariati@pos.com.my atau Cik Wan Nor Azira Mazlan (Tel: 012-6093002) azira@pos.com.my

7. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DATO' ROHAIZA HASHIM
Ketua Kumpulan Komunikasi Korporat
Pos Malaysia Berhad

S.k:

1. YBhg. Datuk Wira, Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
2. YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi)
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
4. Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif
Pos Malaysia Berhad
5. Setiausaha Bahagian, Kandungan Komunikasi dan Perkhidmatan Pos
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
6. Pengarah Kanan, Jabatan Pos
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia



کمنترین فنراغن، کومونیکاسی دان کبودایان ملیسیا
KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
(MINISTRY OF INFORMATION, COMMUNICATIONS AND CULTURE MALAYSIA)

Ruj. Kami: KPKK:SKom(S)106/272/9 Klt.ع (ن)

Tarikh: Disember 2009

Y.Bhg. Dato' Hajah Noor Rezan Bapoo Hashim

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Aras 8, Blok E8,
Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, Putrajaya.

Tel : 03-8884 9302

Faks: 03-8888 6680

Y.Bhg. Dato',

**PERTANDINGAN MENULIS SURAT UNTUK PERDANA MENTERI
SEMPENA PROGRAM PENGHAYATAN 1MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato', Pertandingan Menulis Surat untuk Perdana Menteri merupakan anjuran bersama oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Pos Malaysia Berhad (PMB). Pertandingan ini dijadual akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa Sambutan Majlis Rumah Terbuka Krismas yang akan diadakan pada 27 Disember 2009 di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah.

3. Pertandingan Menulis Surat untuk Perdana Menteri ini terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia bermula pada **27 Disember 2009** sehingga **19 Februari 2010**. Objektif pertandingan ini adalah seperti berikut;

- (i) Menggalakkan budaya menulis di kalangan generasi muda dan masyarakat Malaysia keseluruhannya;
- (ii) Meningkatkan kesedaran kepada generasi muda mengenai nilai kemasyarakatan dan perpaduan dalam menyokong aspirasi 1Malaysia; dan
- (iii) Menghargai bahasa kebangsaan yang mana secara tidak langsung akan menambahkan kecekapan penulisan dan bahasa;

4. Pertandingan ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu A – Sekolah Rendah dan B – Sekolah Menengah. Borang penyertaan, poster dan syarat-syarat pertandingan adalah seperti di **Lampiran**. Panel juri adalah terdiri daripada wakil-wakil dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) serta KPKK, SKMM dan PMB.

5. Untuk makluman Y.Bhg.Dato' juga, pihak penganjur akan mengedarkan poster pertandingan ke semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara (anggaran 10,000 buah sekolah) melalui Jabatan Pendidikan Daerah di setiap negeri. Makluman pertandingan ini juga boleh didapati di dalam laman web PMB dan SKMM. Iklan di media cetak dan media elektronik, khususnya RTM akan disiarkan bagi memastikan maklumat pertandingan ini sampai kepada seluruh rakyat. Tiga (3) pemenang akan dipilih bagi setiap kategori berserta 10 pemenang saguhati. Senarai dan nilai hadiah adalah seperti yang dinyatakan di **Lampiran B**.

6. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak Y. Bhg. Dato' adalah dihargai untuk mengambil tindakan seperti berikut;

- (i) Menguar-uarkan maklumat pertandingan ini ke semua sekolah rendah dan menengah dan menghantar sekurang-kurangnya **10 penyertaan** dari setiap sekolah;
- (ii) Mengemukakan **20 nama** calon dari kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadi juri pertandingan mengikut format di **Lampiran A**;

7. Sebarang pertanyaan berhubung pertandingan ini boleh dimajukan kepada Pn Mariati Mohd Arif (Tel:012-3757149) mariati@pos.com.my atau En P. Jeevananth (Tel: 016-2333910) pjeevananth@kpkk.gov.my.

8. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Dato' dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHAMAD SUANDI HASAN)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kandungan Komunikasi dan Perkhidmatan Pos
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Tel : 03 2612 8201

Faks : 03 2697 3141

Emel : suandi@kpkk.gov.my

s.k:

1. Y. Bhg. Datuk Wira Ketua Setiausaha
2. Y. Bhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi)
3. Pengerusi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Jabatan Pos
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
(u.p: Encik Mohamed Zaidi Abdul Karim)

Tel : 03 8688 8000
Faks : 03 8688 1000
Email : zaidi@cmc.gov.my

4. Pengarah Urusan Kumpulan
Pos Malaysia Berhad
Bahagian Komunikasi Korporat
Tingkat 34, Menara Dayabumi
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur
(u.p: Y.Bhg. Dato' Rohaiza Hashim)

Tel : 03-2267 2000
Faks : 03-2274 5951
Email : rohaiza@pos.com.my



Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

Anjuran Bersama :



KEMENTERIAN PENERANGAN,
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission



**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENULIS SURAT KEPADA PERDANA MENTERI**

"Tulis satu lembaran surat kepada Perdana Menteri Malaysia mengenai hasrat atau cadangan anda terhadap kepentingan perpaduan kaum dan hidup bersatu, serta apa yang boleh dilakukan untuk terus mengekalkan keharmonian negara dalam menyokong aspirasi 1Malaysia"

Nama : _____

Umur : _____

No Kad Pengenalan/
Surat Beranak : _____

Alamat Rumah : _____

No. Telefon Rumah : _____

Nama Sekolah : _____

Alamat Sekolah : _____


No. Telefon Sekolah : _____

Nama Guru Penyelaras/
Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum : _____


Cop/Pengesahan Sekolah : _____

Sila lampirkan borang ini bersama surat yang anda karang, dan hantarkan kepada :

**Pertandingan Menulis Surat kepada Perdana Menteri
Peti Surat 1000
50796 Kuala Lumpur**



*Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan*



KEMENTERIAN PENERANGAN,
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission



PERTANDINGAN MENULIS SURAT KEPADA PERDANA MENTERI

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

A. Maklumat Pertandingan :

1. Anjuran bersama oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Pos Malaysia Berhad dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
1. Pertandingan ini dibuka dari 29 Disember 2009 hingga 19 Februari 2010.
2. Penyertaan adalah hanya dibenarkan dalam Bahasa Malaysia sahaja
3. Setiap penyertaan mestilah menepati tajuk yang diberikan iaitu:

"Tulis satu lembaran surat kepada Perdana Menteri Malaysia mengenai hasrat atau cadangan anda terhadap kepentingan perpaduan kaum dan hidup bersatu, serta apa yang boleh dilakukan untuk terus mengekalkan keharmonian negara dalam menyokong aspirasi 1Malaysia"

Surat anda perlu dimulakan dengan:

"Ke hadapan YAB Perdana Menteri,"

dan surat tersebut perlu berakhir dengan tandatangan anda.

Surat yang ditulis mestilah mengandungi 300-500 patah perkataan.

B. Kelayakan Bertanding :

1. Pertandingan menulis surat ini terbuka kepada para pelajar sekolah rendah (Kategori A) dan menengah (Kategori B) di seluruh Malaysia.
2. Pelajar yang ingin menyertai mestilah merupakan warganegara Malaysia

C. Terma dan syarat pertandingan:

1. Hanya satu penyertaan dibenarkan bagi setiap peserta
2. Penyertaan mesti dihantar selewat-lewatnya pada **19 Februari 2010** kepada Sekretariat Pertandingan seperti yang dinyatakan dibawah. Penyertaan yang lewat daripada tarikh tutup akan dibatalkan serta merta.
3. Surat yang ditulis juga mestilah mengikut tema yang ditetapkan di perenggan A (3)
4. Sila sertakan borang penyertaan yang telah lengkap diisi dengan nama, alamat rumah, nombor telefon, nama, alamat, nombor telefon dan nama guru penyelaras/ Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum (sekiranya ada) di peringkat sekolah. Penyertaan juga perlu disahkan/dicop oleh pihak sekolah.

5. Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati surat yang dihantar bukan karya asli, penyertaan akan dibatalkan serta-merta.
6. Surat yang dihantar mestilah ditulis dalam Bahasa Malaysia sahaja.
7. Surat mestilah bertulis tangan, kemas, dan mudah dibaca, dan tidak dibenarkan untuk ditaip sama sekali.
8. Surat mestilah ditulis sekurang-kurangnya dalam 300 patah perkataan dan tidak melebihi 500 patah perkataan.

D. Kriteria Penghakiman :

Keseluruhan surat yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan berikut :

1. Penggunaan gaya bahasa :

- | | | |
|------------------------|---|-----------|
| a. Struktur surat | = | 20 markah |
| b. Tatabahasa | = | 20 markah |
| c. Perbendaharaan kata | = | 20 markah |

2. Kandungan

- | | | |
|-----------------------------------|---|-----------|
| a. Kejituan fakta dan penghuraian | = | 40 markah |
|-----------------------------------|---|-----------|

Keseluruhan = 100 markah

Segala keputusan pengadil adalah muktamad mengikut kriteria pertandingan.

E. Hak Milik Penganjur

Penganjur berhak mempamerkan hasil penyertaan, menerbitkan dan menjilidkan hasil penyertaan kepada umum.

Penyertaan hendaklah dihantar melalui pos. Sila alamatkan penyertaan ke :

**Pertandingan Menulis Surat kepada Perdana Menteri
Peti Surat 1000,
50796 Kuala Lumpur**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

**Sekretariat
Pertandingan Menulis Surat kepada Perdana Menteri
Bahagian Komunikasi Korporat
Pos Malaysia Berhad
Tingkat 34 Menara Dayabumi
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur**

Tel : 03-2267 2000 / 03-8688 8409

Faks : 03-2274 5951

Email : mariati@pos.com.my atau azira@pos.com.my